

Buah Buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan Berhubung Kait dengan Konteks Kebudayaan Masyarakat Adat Perpatih

Fakhrur Razi Maamor^{1*} dan Basitah Taif¹

¹Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Adat Perpatih merupakan adat di Negeri Sembilan yang dibawa oleh perantau Minangkabau yang terdapat di pendalaman Sumatera, Indonesia. Kumpulan masyarakat ini mengasimilasikan cara hidup mereka kepada penduduk tempatan dan mengembangkan tradisi yang memberi kesan terhadap identiti mereka; terutamanya di daerah Luak Tanah Mengandung. Antara pengaruh yang dikesan ialah imej 3-Dimensi Buah Buton di rumah-rumah tradisional Negeri Sembilan. Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan antara Buah Buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan dalam konteks budaya masyarakat Adat Perpatih. Kaedah kualitatif telah digunakan dan elemen reka bentuk yang berkaitan yang diperlukan untuk dikaitkan dengan Buah Buton telah dipelajari dalam 6 konteks kebudayaan; politik, agama, ekonomi, organisasi sosial, pengaruh artistik dan pengaruh antarabangsa. Analisis formal bentuk dan ruang merupakan konteks budaya sampel penyelidikan.

Kata Kunci: Adat Perpatih, Buah Buton, Konteks Kebudayaan.

ABSTRACT

Adat Perpatih is a custom brought about in Negeri Sembilan by the Minangkabau immigrants who inhabited the interior part of Sumatra, Indonesia. This group of communities assimilated their way of living with the locals and developed the tradition that impacted their identity; mainly in the district of Luak Tanah Mengandung. Among the influences that was detected is the 3-Dimensional image of Buah Buton in the Negeri Sembilan traditional houses. This research was carried out to ascertain the interrelation of Buah Buton at Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan within the cultural context of Adat Perpatih's community. Qualitative method was applied, and the relevant design elements required to associate with the Buah Buton was studied within 6 cultural contexts; politics, religion, economic, social organization, artistic influence and international influence. Formal analysis of the shape and space constitute the cultural context of the research samples.

Keywords: Adat Perpatih, Buah Buton, Cultural Context.

PENGENALAN

Penciptaan sesuatu objek atau benda pada umumnya memiliki nilai intrinsiknya untuk diperhatikan bergantung pada asal, ciri budaya, ciri estetik atau fungsi. Unsur-unsur ini bukan sahaja membenarkan individu untuk memahami logiknya di bawah kualiti visual tertentu, tetapi mereka juga boleh membantu mengenali bila, di mana dan bagaimana kebudayaan tertentu berkomunikasi. Setiap persoalan ini bergantung kepada suasana persekitaran berdasarkan kesesuaiannya dalam menterjemahkan tentang sesuatu penyampaian. Cara interaksi dalam penyampaian ini menyediakan garis besar keseluruhan bagi masyarakat untuk mewujudkan konteks pemikiran, emosi dan tingkah laku sendiri dalam persekitaran semula jadi. Kewujudan buah buton di rumah-rumah tradisi kaum etnik Minangkabau di Negeri

*Koresponden: fakhrurrazi991@gmail.com


Sembilan adalah salah satu bukti yang mencirikan cara bagaimana masyarakat Minang menyesuaikan diri dengan persekitaran dan ruang hidup mereka.

Raja Nafida Raja Shahminan (2007) dalam penulisannya, "Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang", menggambarkan bahawa kebanyakan rumah tradisional di kawasan itu dihiasi dengan ukiran sebagai hiasan yang mencerminkan sesuatu masyarakat. Pemerhatian estetika terhadap bentuk dan ruang yang melibatkan buah buton menjadi salah satu pemerhatiannya selain komponen lain dalam rumah. Rekaan buah buton yang diukir dalam keadaan tergantung menunjukkan pengamatan terhadap nilai estetika dan budaya masyarakat Adat Perpatih dari Minangkabau. Sememangnya, pengamatan nilai ini adalah dipengaruhi daripada cara hidup dan persekitaran Adat Perpatih di Negeri Sembilan yang dibawa bersama masyarakat Minangkabau ke Luak Tanah Mengandung. Cara hidup masyarakat ini merangkumi pelbagai aspek seperti keagamaan, status masyarakat dalam kepimpinan, ekonomi dan sosial dalam kalangan masyarakat.

Kewujudan buah buton dalam rumah masyarakat Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan mewujudkan interrelation dalam pelbagai aspek yang melambangkan kebudayaan masyarakatnya. Kebudayaan mereka ini banyak menekankan aspek Adat Perpatih yang menjadi tonggak utama dalam pembentukan masyarakatnya. Kehadiran buah buton mewujudkan keharmonian dalam dekorasi rumah yang dipenuhi dengan pengaruh adat. Oleh yang demikian, penyelidikan ini tertumpu kepada hubungkait dalam konteks kebudayaan yang memberi kesan terhadap rekaan buah buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih. Manakala, konteks kebudayaan dalam hubungkait dengan buah buton ini menggunakan pendekatan Rindsberg (n.d.) yang menetengahkan agama, politik, ekonomi, organisasi sosial, pengaruh antarabangsa dan pengaruh artistik.

KAEDAH PENDEKATAN

Penyelidikan ini memberi fokus kepada rekaan buah buton pada rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung yang mempunyai hubungkait dengan konteks kebudayaan masyarakat Adat Perpatih. Oleh yang demikian, penyelidikan ini perlu mengenalpasti nama buah buton yang kerap digunakan di luar kawasan Luak Tanah Mengandung bagi melihat hubungkaitnya dengan masyarakat di kawasan tersebut. Sementara itu, analisis visual yang melibatkan bentuk dan ruang buah buton di Luak Tanah Mengandung dijadikan sebagai sampel terhadap penyelidikan. Berikut merupakan kaedah dan langkah (Rajah 1) kepada penyelidikan berdasarkan fokus penyelidikan;



Rajah 1. Carta aliran menunjukkan kaedah dan langkah menganalisis buah buton di Luak Tanah Mengandung.

Selain itu, rumah yang mempunyai buah buton di Luak Tanah Mengandung dipilih berdasarkan dua kaedah iaitu pertama melalui penyelidikan Raja Nafida Raja Shahminan (2007) dalam "Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang" yang menentengahkan nama buah buton. Manakala, kaedah kedua melalui artikel "Keunikkan Tiang Gantung Tak Jejak Bumi" oleh Siti Haliza Yusof (2017). Pemilihan artikel ini disebabkan oleh penulisan Yaakub Idrus (1996) yang menyatakan bahawa terdapat ukiran berbentuk bulat di bawah tiang gantung. Berikut merupakan tiga buah rumah (Jadual 1) sekitar Luak Tanah Mengandung yang dipilih melalui dua kaedah dinyatakan tadi;

Jadual 1 Menunjukkan tiga buah rumah yang mempunyai buah buton berdasarkan dua kaedah pemilihan rumah sekitar Luak Tanah Mengandung.

No.	Nama Rumah	Tempat
1.	Rumah Datuk Muar Bongkok	Kampung Parit Seberang, Kuala Pilah (Luak Ulu Muar)
2.	Rumah Sali	Kampung Talang Tengah, Kuala Pilah (Luak Ulu Muar)
3.	Rumah Datuk Diwangsa	Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (Lokasi asal - Lokasi asal Kampung Merual (Luak Gunung Pasir))

KONTEKS KEBUDAYAAN MASYARAKAT ADAT PERPATIH DI LUAK TANAH MENGANDUNG

Konteks kebudayaan masyarakat Adat Perpatih yang dikaitkan dengan buah buton merupakan konteks yang diketengahkan oleh Rindsberg (n.d.) dalam "Contextual Analysis of Art: Japanese Art History".

(a) Pengamalan Islam di Luak Tanah Mengandung

Sistem Adat Perpatih ini berlandaskan nasab ibu atau matrilineal, dari hukum tidak menetapkan hukum tertentu berkenaan dengan susurgalur nasab ini (Mualimin Mochammad Sahid, 2018). Setiap pengamalan yang dilakukan itu mempunyai manfaat dan makna yang tertentu selagi ianya tidak lari dari ajaran Islam. Dalam perbilangan Adat Perpatih, ada menyebut tentang sistem adat ini adalah berlandaskan kepada ajaran Islam iaitu;

Adat bersendikan syarak
Syarak bersendikan Kitabullah
Syarak Mengata
Adat Memakai

Adat Perpatih yang selari dengan ajaran Islam turut diterapkan dalam pemilihan pemimpin adat. Pemilihan pemimpin Adat Perpatih adalah berdasarkan sistem musyawarah. Kekuatan kepimpinan Adat Perpatih adalah melalui musyawarah dan muafakat (Mohd Rosli Saludin, 2009). Melalui kekuatan ini, perlantikan seorang pemimpin itu berjalan dengan adil dan mengambil kira setiap aspek. Seorang pemimpin yang adil telah diterjemahkan dalam perbilangan adat "biar mati anak, jangan mati adat".

Perbilangan ini jelas menunjukkan bahawa seorang pemimpin itu perlu bersifat adil dalam menentukan sesuatu keputusan.

Selain itu, kedudukan wanita merupakan kedudukan yang perlu dijaga seperti disarankan dalam agama Islam. Menurut Abdullah Alwi Hassan (n.d.) agama Islam telah meletakkan wanita di kedudukan yang terjamin dari segi nilai kewanitaan dan mempunyai taraf yang tertinggi dalam masyarakat. Adat Perpatih menganggap kaum wanita sebagai makhluk yang suci dan indah, sumber kasih sayang, sumber kekuatan rumahtangga dan keselamatan dunia akhirat (Nordin Selat, 1976).

Kedudukan ini juga turut menjaga kehormatan antara lelaki dan perempuan. Hal ini, dapat dilihat pada pembahagian ruang dalam rumah Melayu tradisional Negeri Sembilan mempunyai fungsinya yang tersendiri. Salah satunya sebagai pengasingan antara jantina. Sebagai contoh, ruang rumah ibu berfungsi sebagai tempat pertemuan kaum wanita selain dijadikan sebagai tempat tidur kaum wanita. Manakala, kaum lelaki pula terutamanya anak lelaki bujang akan tidur di ruang serambi atau di surau. Alasan kepada pengasingan ini adalah berlandaskan kepada ajaran Islam iaitu menjaga batas pergaulan berlainan jantina.

(b) Sistem Politik Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung

Dalam pemerintahan dan pentadbiran adat ianya dibawah kawalan lelaki. Sebagai contoh ketua keluarga adalah lelaki sebelah ibu yang dipanggil sebagai mamak. Begitulah seterusnya dalam lapisan piramid pemimpin Adat Perpatih yang diisi oleh lelaki. Walaubagaimanapun, kedudukan seseorang lelaki dalam jawatan tertentu dalam adat ini adalah ditentukan oleh ibu atau lebih dikenali sebagai Ibu Soko. Hal ini, suku yang mengalir dalam darah daging seseorang lelaki yang mengamalkan adat ini adalah suku dari ibunya sendiri. Sekiranya si ibu tidak mempunyai anak perempuan, jurai suku itu akan terputus begitu sahaja. Menurut Mualimin Mochammad Sahid (2018), wanita mempunyai kedudukan yang tinggi kerana perut ibu (wanita) adalah satu-satunya penentu siapa yang berhak kepada pucuk pemerintahan Adat Perpatih seperti Perut, Suku, Luak dan Negeri. Kedudukan Ibu Soko yang tinggi ini ada disebut dalam teromba tersebut;

Tiang seri rumah pusaka
Pusat jala kumpulan tali
Semarak dalam kampung
Hiasan dalam negeri

Seterusnya, keputusan hasil daripada musyawarah ini bakal membentuk sebuah sistem pemerintahan piramid. Sistem pemimpin dalam Adat Perpatih merupakan sistem bertingkat atau sistem piramid. Hal ini, pemilihan pemimpin dalam adat ini bermula daripada anak buah sehingga ke puncaknya iaitu Yamtuan. Kepimpinan Adat Perpatih adalah bermula dengan mamak iaitu ketua keluarga dalam kalangan lelaki; kemudian ketua perut, Buapak, Lembaga, Penghulu Luak dan akhir sekali adalah Yamtuan atau Yang Di-pertuan Besar. Setiap pemilihan pemimpin dilakukan secara muafakat atau musyawarah dan seterusnya penentuannya secara demokrasi atau ijmak. Setiap pemimpin ini mempunyai tugasnya yang tersendiri. Tugas-tugas mereka ini perlu dilaksanakan dengan adil dan bertanggungjawab.

(c) Ekonomi Masyarakat Adat Perpatih

Ekonomi masyarakat Adat Perpatih banyak berbincakan tentang harta. Perbincangan berkenaan dengan ekonomi dalam adat ini adalah penting. Hal ini, ekonomi dalam adat ini dilambangkan sebagai "emas" (Nordin Selat, 2014). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Rosli Saluddin (2011) bahawa tahap ekonomi masyarakat Adat Perpatih adalah tinggi dalam pemilikan aset. Harta dalam adat ini banyak memihak kepada perempuan.

Jenis harta yang banyak memihak kepada golongan wanita Adat Perpatih ini adalah harta pusaka. Jenis harta pusaka melibatkan rumah, tanah sawah dan ladang. Harta pusaka ini

merupakan harta yang dimiliki daripada keturunan yang bernasabkan ibu atau matrilineal yang berterusan hingga ke generasi wanita yang seterusnya. Manakala, harta pencarian pula merupakan harta yang diperolehi bersama semasa perkahwinan iaitu harta hasil usaha suami isteri. Melalui harta pencarian ini, akan dibahagikan sesama waris mengikut hukum faraid apabila salah seorangnya meninggal (Abdul Manan Ismail, Zahari Mahad Musa, Ahmad Zaki Salleh, Muhammad Nizam Awang, Yasmin Hanani Mohd Safian, Irwan Mohd Subri, Syed Salim Syed Shamsuddin, Lukmanul Hakim, Hanafi & Siti Nor Hafidza Razali, 2016).

Kelebihan wanita dalam mendapatkan haknya boleh dilihat kepada aspek kebaikan dan manfaaatnya daripada sistem matrilineal. Terdapat dua kebaikan dan manfaaatnya yang digariskan oleh Mualimin Mochammad Sahid (2016) iaitu pertama menjaga hak wanita ketika berlaku perkara yang tidak diingini. Hal ini, kedudukan wanita dalam keluarga sebagai seorang isteri adalah berada di bawah tanggungjawab suami. Terdapat dua kemungkinan yang boleh dikaitkannya iaitu hak wanita tersebut selepas kematian suami atau hak wanita tersebut selepas bercerai. Melalui dua kemungkinan ini, wanita tersebut akan pulang semula atau menetap terus ke tanah adatnya yang sudah sedia untuknya, tanpa perlu tinggal di lain tempat.

Sementara itu, lelaki mempunyai peranannya dalam mencari ekonomi. Menurut Norazit Selat (2003), peluang mencari wang di kampung adalah terhad. Sudah menjadi tradisi kepada kaum lelaki untuk merantau mencari harta dan wang untuk menyara keluarganya di kampung. Perkara ini ada dinyatakan dalam teromba;

Karatau madang di hulu
Berbungan buah belum
Merantau bujang dahulu
Di kampung berguna belum

Selain itu, mencari pengalaman juga memberikan impak yang positif kepada kaum lelaki terutamanya anak-anak muda. Hal ini, hasil dari pengalaman akan memberikan buah fikiran kepada kampung terutamanya adat. Permegian mereka keluar dari kampung bukanlah merugikan sebaliknya satu keuntungan kepada masyarakat kampung.

(d) Organisasi Sosial Adat Perpatih

Menurut Berelson dan Steiner (1964), organisasi sosial mempunyai tiga ciri yang menunjukkan sesuatu masyarakat itu iaitu pertama, peraturan, ketetapan, prosedur dan sebagainya. Ciri ini menunjukkan bahawa segala ketetapan yang dirancang adalah bersandarkan kepada kehidupan seharian masyarakatnya. Ciri yang kedua adalah sistem hierarki (rujuk (b) sistem politik di Luak Tanah Mengandung) yang menunjukkan perbezaan status yang berbeza. Manakala, ciri yang ketiga adalah sistem kelompok masyarakat yang banyak sehingga mewujudkan sistem birokrasi.

Ciri yang pertama adalah melibatkan peraturan yang ditetapkan oleh Adat Perpatih iaitu larangan perkahwinan sesama suku. larangan dalam perkahwinan ini adalah kahwin sepupu selari. Perkahwinan ini dibahagikan kepada dua kategori; iaitu pupu selari sebelah ibu dan pupu selari sebelah ayah. Kategori pertama perkahwinan pupu selari ini adalah bersamaan dengan larangan sumbang balai melintang. Hal ini, pasangan yang mempunyai kaitannya dengan pupu selari ini merupakan anggota daripada satu suku. Berdasarkan sejarah Adat Perpatih, suku-suku yang berada di Negeri Sembilan merupakan suku asal di Minangkabau iaitu merupakan nama dari kawasan tersebut. Perkara ini telah menjadi kekhuatiran dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih. Hal ini, masyarakat yang berada di sekitar kawasan Minangkabau merupakan saudara-mara bahkan berkemungkinan juga merupakan adik-beradik. Bagi mengelakkan hal sumbang mahram dan sememangnya hal ini dilarang dalam Islam, maka Adat Perpatih telah melarang sesama suku. Selain itu, ciri pertama ini juga menyentuh tentang peraturan dalam

memilih pemimpin. Setiap pemilihan yang dibuat adalah berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Salah satunya, seseorang ketua itu perlu mahir tentang adat dan fasih berbicara tentangnya. Sementara itu, setiap ketua adat perlu ada sifat mempertahankan konsep keadilan dalam adat. Seperti kata perbilangan biar mati anak, jangan mati adat. Makna disini bukan membiarkan anak itu mati semata-mata mahu mempertahankan adat. Tetapi pengertian yang dilambangkan dalam perbilangan ini merupakan keadilan yang sejati (Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung, 1996).

Selain itu, ciri yang seterusnya adalah sistem kelompok masyarakat. Hidup bermasyarakat Adat Perpatih adalah berbeza dengan masyarakat daripada adat lain. Hal ini, Adat Perpatih lebih kepada hidup berkelompok iaitu mempunyai nama untuk setiap kelompoknya. Kelompok ini dipanggil sebagai suku. Selain itu, terdapat pecahan lain dalam suku itu sendiri. Pecahan tersebut merangkumi hal-hal yang lain seperti Perut, Ruang dan Rumpun. Walaubagaimanapun, setiap kelompok iaitu Suku, Perut, Ruang dan Rumpun berada di bawah satu Luak. Setiap Luak ini mempunyai jumlah suku yang berbeza (Norhalim Ibrahim, 1993).

(e) Pengaruh Adat Perpatih dalam Susunatur Ruang Rumah Melayu Tradisional Negeri Sembilan

Rumah bumbung lentik amat sinonim dengan rumah tradisional di Negeri Sembilan. Di sebalik keunikannya, terdapat makna di sebalik rekaannya. Rekaannya itu juga menunjukkan kedudukan sosial politik yang telah mempengaruhi susunatur ruang rumah ini. Susunatur ruang ini melibatkan ruang serambi dan ruang rumah ibu.

Ruang serambi cukup sinonim dengan tempat musyawarah melibatkan ketua-ketua adat dan anak-anak buah. Selain itu, ruang serambi juga dijadikan sebagai tempat menyambut tetamu selain menjadi tempat keraian dan meraikan pasangan pengantin. Walaubagaimanapun, ruang serambi yang panjang ini mempunyai susunatur ruang yang melambangkan status seseorang dan fungsinya yang tersendiri. Ruang serambi ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Saiz setiap kedudukan serambi adalah merujuk kepada pecahan tiga bahagian dalam serambi iaitu pangkal serambi, tengah serambi dan hujung serambi seperti yang dinyatakan oleh Yaakub Idrus (1996) dan Raja Nafida Raja Shahminan (1999). Ketiga-tiga pecahan serambi tersebut mempunyai peranan untuk kedudukan pihak-pihak tertentu iaitu pangkal serambi yang berada berdekatan dengan tangga merupakan bahagian yang akan diduduki bersama dengan anak-anak buah bagi membincangkan hal-hal berkaitan dengan adat dan keraian yang bakal berlangsung. Manakala, tengah serambi yang berkedudukan antara pangkal dan hujung serambi sebagai tempat menyambut atau berkumpul tetamu yang dhadir kerumah. Hal ini, tetamu masuk ke rumah terus duduk di ruangan yang disediakan. Melalui kedudukan ini, jelas menunjukkan konsep ini menunjukkan sifat meraikan tetamu dengan memberi layanan yang baik. Selain itu, hujung serambi pula adalah dikhaskan untuk Penghulu Luak atau Ulama. Hujung serambi ini juga dijadikan tempat untuk anak-anak buah atau ketua-ketua adat merujuk Penghulu Luak atau Ulama berkaitan dengan adat dan hal-hal agama selain melaporkan segala isu yang berlaku. Kedudukan hujung serambi sebagai tempat mengadap menunjukkan sifat menghormati ketua mereka yang diangkat sebagai ketua.

Ruang rumah ibu pula dimonopoli oleh kaum wanita (Othman Mohd Nor & Raja Nafida Raja Shahminan, 2016). Kedudukan rumah ibu bersebelahan dengan ruang serambi. Kedudukan rumah ibu tinggi sedikit berbanding ruang serambi. Hal ini adalah menunjukkan kehormatan kaum wanita dalam rumah. Ruang ini hanya dikhususkan untuk kaum lelaki yang mempunyai pertalian darah yang rapat dibenarkan untuk masuk. Dalam konteks Adat Perpatih pula, kaum ibu terutamanya Ibu Soko akan duduk di tiang seri yang terdapat pada rumah ibu apabila terdapat upacara seperti adat berkedim. Hal ini menunjukkan taraf Ibu Soko itu adalah tinggi dan perlu dihormati.


Pada rumah tradisional ini, terdapat satu element yang dikatakan sebagai simbol kepada status seseorang dalam Adat Perpatih. Norhalim Ibrahim (1985) dengan mengatakan tiang gantung merujuk kepada simbol kekuasaan dan kekuatan rumah dan pemiliknya. Hal ini disokong oleh Muhammad Pauzi Abd. Latif (2017) in article "Keunikan Tiang Gantung Tidak Jejak Bumi", tiang gantung kebiasaannya terdapat pada rumah milik pembesar atau kerabat diraja. Hal ini dilambangkan sebagai simbol terhadap kedudukan mereka dalam Adat Perpatih. Sementara itu, rekaan tiang gantung itu bukan seperti tiang-tiang yang sememangnya terdapat pada rumah-rumah Melayu ini. Tiang gantung dengan ketinggian sekitar 70 sentimeter (sm) yang dipasang di atas bumbung bukan seperti tiang panjang yang merupakan tulang belakang di mana mengukuhkan struktur lantai rumah yang dipasang menegak ke tanah (Siti Haliza Yusop, 2017).

(f) Pengaruh Dunia Luar Terhadap Buah Buton

Tiang gantung amat sinonim dengan rumah Melayu tradisional Negeri Sembilan. Di tanah Jawa, tiang gantung ini di sebut saka bentung. Menurut Agus Dody (n.d.), saka pada bangunan tradisional mempunyai dua makna penting, yakni makna struktural dimana saka berfungsi sebagai penumpu atap bangunan, manakala makna kedua sebagai simbolik iaitu merujuk kepada personifikasi penumpu kepala manusia. Saka ini juga dapat diklasifikasikan sebagai tipologi bangunan dan juga perbezaan strata sosial dalam masyarakat Jawa secara tersirat.

Oleh itu, saka bentung dapat diklasifikasikan sebagai struktural yang mempunyai perhubungan dengan seni bina Jawa. Walaubagaimanapun, seperti tiang gantung, saka bentung juga mempunyai hiasan di bahagian hujungnya. Terdapat dua jenis hiasan pada saka bentung ini iaitu pertama nanasan (Rajah 2). Ragam hiasa yang berinspirasi daripada buah nenas ini kebiasaannya terdapat ada rumah bangsawan atau istana. Selain itu, warnanya dipadankan dengan warna bangunan, kecuali jika warnabangunan adalah hijau tua atau merah tua, memerlukan nanasan ini diberi warna emas dan merah (Tri Wahyudi, 2009).

Selain itu, jenis kedua yang terdapat pada hujung saka bentung adalah kebenaran (Rajah 2). Ragam hias ini merupakan pahatan kayu yang diberikan warna apabila dihiasi di rumah bangsawan, manakala rumah rakyat biasa tidak diberikan warna. Selain itu, kebenaran ini kebiasaannya berada di sudut beranda sisi luar rumah Joglo dan dilambangkannya dalam keadaan tergantung (Tri Wahyudi, 2009).



Rajah 1.2. Lakaran nanasan (kanan) dan kebenaran (kiri).

Sumber: Perpaduan Arsitektur Belanda dan Arsitektur Tradisional Jawa Tengah pada Bangunan Peninggalan Belanda Ji oleh Tri Wahyudi, 2009

Pengaruh buah buton dari tanah Jawa berkemungkinan atas satu sebab iaitu merantau. Dalam masyarakat Minangkabau, budaya merantau amat digalakkan oleh kaum kerabatnya (Norhalim Ibrahim, 1993). Proses merantau ini juga, mereka akan bawa bersama dengan budaya dan fahaman mereka selain bertujuan mencari rezeki di bumi orang. Proses perjalanan merantau

mereka melalui kawasan-kawasan seperti bahagian barat atau timur Minangkabau. Sudah tentu akan berlaku pertembungan budaya dan fahaman dengan masyarakat lain. Sebagai contoh di Riau. Kawasan ini merupakan pusat kepada laluan masyarakat merantau sebelum menuju ke destinasi lain. Boleh dikatakan juga pengaruh masyarakat Minangkabau itu diasimilasikan ketika ditempat orang iaitu perantauan Minangkabau ke tanah Jawa. Menurut Rahman Malik (2016), Kota Surakarta menjadi tempat perkumpulan etnik Minangkabau yang berdagang dan pengusaha nasi padang.

Selain itu, pengaruh terhadap buah buton ini juga berkemungkinan di sebabkan penghijrahan tukang-tukang dari Jawa ke Tanah Melayu. Menurut Abdul Halim Nasir (1985), penghijrahan tukang-tukang dari Jawa dan Sumatera dipercayai mempengaruhi rekabentuk seni bina terutamanya masjid yang terdapat di Pantai Barat Semenanjung Malaysia sekitar abad ke-20 masehi. Pengaruh seni bina masjid ini dapat dilihat pada reka bentuk bumbung masjid lama di Negeri Sembilan dengan kebiasaannya empat tiang gantung dengan hujungnya terdapat buah buton tergantung di bahagian bumbung. Hal ini bersamaan dengan gaya seni bina Jawa yang mana empat saka bentung tergantung pada bumbung dengan hiasan seperti nanasan di hujung bawahnya.

BUAH BUTON LUAR LUAK TANAH MENGANDUNG

Perjalanan yang berinspirasi daripada pelbagai pengaruh memberikan ilham kepada pembuatan sesuatu karya seni. Buah buton merupakan perhiasan yang diukir dan dilampirkan bersama dengan struktur bangunan merupakan bentuk seni yang aesthetic (Ismail Said, 2001). Buah buton merupakan asimilasi daripada pelbagai idea yang kemudiannya digabungkan menjadi satu. Maksudnya, kepelbagaian pengaruh daripada persekitaran membentuk sebuah idea yang sehingga terbentuknya buah buton. Pengaruh ini turut melibatkan asimilasi daripada warisan dan tamadun masyarakatnya. Pencapaian sebuah tamadun yang hebat dapat dilihat melalui kecemerlangan mereka dalam bidang kesenian iaitu dari segi warisan fizikal atau bentuk pemikiran (Othman Mohd Yatim, 1989).

Nama buah buton banyak merujuk kepada rekaan yang tunjuk ke langit atau nama spesifik tunjuk langit atau *upright* yang diaplikasikan di atas bumbung seperti dinyatakan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini. Berdasarkan kepada penyelidikan Mohammad Nazri Ahmad (2016) dalam "Falsafah Seni Ukiran Melayu" telah menyatakan bahawa buah buton itu berbentuk tirus di bahagian atas atau bahagian bumbung surau atau masjid yang berukir motif bulan dan bintang diletakkan. Manakala, terdapat buah buton yang diletakkan di kedudukan perenggan bumbung rumah (Gambar 1.1) yang menghubungkan dua bentuk papan pemelah serta ia mempunyai pelbagai jenis nama seperti matahari tegap, awan beralih dan penunjuk langit. Terdapat juga rekaan buah buton yang diberikan sentuhan ukiran bagi menampakan kecantikan pada bentuk buah buton itu.



Gambar 1.1. Buah buton yang berbentuk tirus yang menghubungkan dua bentuk pemelah papan

Sumber: Falsafah Seni Ukiran Melayu oleh Mohammad Nazri Ahmad, 2016.

Sementara itu, penyelidikan Siti Dalila Mohd Sojak dan Nangkula Utaberta (2013) dalam "*Typological Study of Traditional Mosque Ornamentation In Malaysia-Comparison Between Traditional and Modern Mosque*" menjelaskan bahawa nama lain buah buton adalah tunjuk langit, buah gantung, buah bubun, tajuk rumah, selembayung, sulo bayung, tanduk buang, silang gunting, mahkota atap, mustika, mustoko, keting belalang, puncak coppo', julang ngapak dan gonjong. Rekaan buah buton mempunyai kepelbagaian saiz antara 60 hingga 100 centimeters yang diletakkan di puncak bumbung seperti dinyatakan oleh Abdul Halim Nasir (1986) dalam "Ukiran Kayu Melayu Tradisi". Menurut Siti Dalila Mohd Sojak dan Nangkula Utaberta (2013), terdapat empat jenis buah buton berdasarkan kepada shape dan design buah buton itu. Buah buton tersebut adalah jenis bulat (*rounded*), jenis bunga (*floral*), jenis batang (*rod*) dan jenis silang (*cross*).

Empat jenis buah buton yang diketengahkan oleh Siti Dalila Mohd Sojak dan Nangkula Utaberta (2013) ini merupakan buah buton yang direka *upright* atau nama lain tunjuk langit. Walaubagaimanapun, di sebalik rekaan tunjuk langit yang dibina, terdapat rekaan buah buton pada puncak bumbung yang dibina bersama dengan sebatang tiang yang tergantung yang menghala kedalam ruang sebagai contoh masjid. Hal ini dapat dilihat pada rekaan buah buton di Masjid Kampung Parit Istana di Kapung Parit Istana, Terachi, Negeri Sembilan (Rajah 1.3) yang mana buah buton dibina dengan sebatang kayu terjantai ke bawah iaitu tergantung dalam ruangan masjid. Di bahagian bawah kayu terjantai itu terdapat sebuah ukiran yang disebut sebagai lebah bergantung. Nama lebah bergantung diketengahkan oleh Abdul Halim Nasir (1983) dalam bukunya "Rumah Kutai di Perak" berdasarkan kepada ukiran yang berbentuk 3 dimensi yang terdapat pada rumah Kutai di Perak. Kedudukan lebah bergantung ini hadir sepasang iaitu tergantung di kaki tepi tebar layar yang bersambung dengan alang panjang rumah ibu. Menurut Abdul Halim Nasir (1983) lagi, saiz rekaan lebah bergantung ini sebesar labu air dan tergantung di kaki tebar layar yang menampakkan bentuknya seperti sarang lebah yang tergantung di tempat tinggi.



Gambar 1.2. Lebah bergantung (bawah) yang tergantung dalam ruangan Masjid Lama Kampung Parit Istana, Terachi, Negeri Sembilan yang berhubung dengan buah buton (atas) yang berada di atas puncak (*upright*) bumbung masjid.

Sumber: Ruang Dalaman Masjid Melayu Tradisional Semenanjung Malaysia oleh Ahmad Azizul Azli, 2012

Tiang yang menghubungkan antara tunjuk langit atau buah buton dengan ukiran yang terdapat pada bahagian bawah iaitu lebah bergantung dinamakan sebagai tiang gantung. Menurut Yaakub Idrus (1996), beliau mentakrifkan bahawa tiang gantung tersebut sebagai tiang tidak jejak bumi. Hal ini, tiang tersebut tergantung dari permukaan lantai mahupun tanah. Tiang ini amat sinonim dengan rumah tradisional Negeri Sembilan. Menurut Zambri Hussain (1997), beliau menamakan tiang ini sebagai tiang sotoh. Hal ini, tiang ini berfungsi sebagai penyokong kepada kasau jantan yang digantung pada alang iaitu struktur rumah tradisional ini. Hujung tiang ini kebiasaannya terdapat ukiran seperti yang terdapat pada Masjid Kampung Parit Istana yang terletak di luak Terachi yang merupakan antara luak dalam kelompok Luak Tanah Mengandung.

ANALISIS BUAH BUAH BUTON DI LUAK TANAH MENGANDUNG

Tiga buah rumah dipilih sekitar Luak Tanah Mengandung mempunyai buah buton iaitu rumah Datuk Muar Bongkok di Kampung Parit Seberang, Kuala Pilah (Luak Ulu Muar), (a), rumah Sali di Kampung Talang Tengah, Kuala Pilah (Luak Ulu Muar), (b) dan rumah Datuk Diwangsa kini berada di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia yang dipindahkan daripada Kampung Merual, Seri Menanti (Luak Gunung Pasir) (c). Analisis terhadap buah buton dibuat berdasarkan bentuk dan ruang elemen tersebut dalam rumah tradisional yang dipilih. Oleh yang demikian, setiap buah buton yang dianalisis dinamakan semoena nama penghuni rumah tersebut bagi mengelakkan kekeliruan.

(a) Rumah Datuk Muar Bongkok, Kampung Parit Seberang, Kuala Pilah (Luak Ulu Muar)


Buah buton di rumah Datuk Muar Bongkok dinamakan dengan nama Muar. Terdapat dua Muar pada rumah Datuk Muar Bongkok yang mana ianya hadir bersama dengan tiang gantung pecah lapan yang diukir di bawahnya. Kedudukan tiang yang tergantung bersama Muar berada di hujung serambi (Rajah 1.6) yang tergantung di kiri dan kanan. Reka bentuk kedua-dua Muar tersebut adalah berbeza. Walaubagaimanapun, terdapat persamaan pada kedua-dua permukaan Muar yang dipengaruhi daripada pecah lapan tiang gantung. Dari segi rekaan Muar, jelas menampakkan perbezaan rekaan yang mengaplikasikan ukiran motif yang berbeza. Terdapat juga andaian dengan mengatakan bahawa rekaan Muar 2 seperti buah nenas. Hal ini, disebabkan bentuk fizikal rekaan Muar 2 yang seakan-akan buah nenas. Walaubagaimanapun, penyelidikan ini percaya bahawa rekaan Muar 2 adalah berinspirasi daripada buah yang datang dari pokok yang mempunyai pelepah yang berduri. Hal ini, dapat dilihat pada motif yang berbentuk seakan-akan pokok berduri pada Muar 1 seperti petunjuk bahawa Muar 2 yang menampakkan seperti buah berasal dari pokok yang disimbolkan pada Muar 1. Ukiran motif pada Muar 1 menampakkan seakan-akan daun yang melentik ke bawah yang rendang seakan-akan daun pelepah ataupun daun yang panjang. Manakala, bentuk Muar 2 pula seakan-akan buah yang bersisik menguatkan lagi bahawa buah tersebut berasal dari pokok yang mempunyai daun pelepah yang berduri. Hal ini boleh dibuktikan dengan buah-buahan yang mempunyai ciri bersisik yang berasal dari pokok atau daun-daun pelepah yang berduri. Sebagai contoh buah rumbia dan buah salak. Buah-buahan tersebut boleh dikategorikan sebagai buah-buahan yang tergantung seakan-akan mempunyai persamaan dengan rekaan Muar 2. Dalam masa yang sama, penggunaan daun pelepah sebagai atap sebagai pelindung panas dan hujan biasa digunakan pada rumah tradisional suatu ketika dahulu. Daun pelepah yang biasanya digunakan adalah daun rumbia sebagai atap rumah (Noor, Shahrul & Mastor, 2016).

Sementara itu, dari segi peranan, tiang gantung pada rumah ini turut berfungsi sebagai penghubung antara alang panjang dan alang pendek. Alang pendek yang terletak di hujung serambi ini sebagai penghubung antara dua tiang gantung (Rajah 1.7). Sekaligus menunjukkan kedudukan Muar yang mempunyai jarak antara satu sama lain yang menunjukkan kelebaran serambi dari sudut sisi.



Gambar 1.3. Muar 1 (kiri) dengan ukiran motif yang menampakkan seperti pokok atau pelepah yang berduri, manakala Muar 2 (kanan) menampakkan buah yang bersisik

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018.



Rajah 1.3. Lakaran di atas menunjukkan kedudukan Muar dari pandangan atas.

Sumber: Adobe Illustrator oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018.



Gambar 1.4. Kedudukan kedua-dua yang berada di hujung serambi.

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018.



Gambar 1.5. Bulatan menunjukkan alang pendek yang menghubungkan kedua-dua tiang gantung yang menunjukkan kelebaran serambi

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018.

(b) Rumah Sali, Kampung Talang Tengah, Kuala Pilah (Luak Ulu Muar)

Terdapat satu buah buton di rumah ini yang dinamakan sebagai Sali. Kedudukan Sali berada di pangkal serambi iaitu selari dengan dinding pangkal serambi dan berdekatan dengan dinding rumah ibu. Rekaan Sali ini tergantung bersama dengan tiang gantung. Tiang gantung yang ditebuk pada bahagian atas berfungsi sebagai laluan kepada alang panjang. Saiz tiang gantung yang kecil berbanding tiang lain yang menyokong rumah ini telah mempengaruhi bentuk Sali. Rekaan Sali yang diukir menampilkan bentuk seakan-akan buah yang tergantung. Hal ini, terdapat ukiran yang beralun dan berbucu pada bahagian atas rekaan Sali yang seakan-akan menggambarkan tampuk pada buah sebenar. Jika diamati pada rekaan Sali, pengukir menjadikan buah berbentuk lonjong yang mempunyai tampuk sebagai *subject matter*. Sebagai contoh buah pinang dan dan putik kelapa. Berdasarkan analisis terhadap buah pinang, ianya amat sinonim dengan masyarakat Melayu yang mengenakan buah tersebut dengan sirih sebagai makanan sampingan ketika mengadap ketua-ketua adat. Buah pinang akan diletakkan bersama daun sirih di dalam bekas yang dipanggil tepak sirih atau dibungkus dalam bujam.



Gambar 1.6. Rekaan Sali.

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018




Gambar 1.7 Kedudukan Sali bersama tiang gantung di pangkal serambi yang tergantung selari dengandinding yang berdekatan dengan dinding rumah ibu.

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018.



Gambar 1.8. Pandangan hadapan rumah Sali di Kampung Talang Tengah yang tidak menampakkan kedudukan Sali.

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018.



Rajah 1.4. Lakaran menunjukkan kedudukan Sali dari pandangan atas.

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018.

(c) Rumah Datuk Diwangsa, Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (Lokasi asal rumah di Kampung Merual, Seri Menanti (Luak Gunung Pasir))


Terdapat enam buah buton yang hadir bersama dengan tiang gantung pada rumah Datuk Diwangsa. Buah buton ini dinamakan sebagai Diwangsa. Kedudukan keenam-enam Sali ini berada dalam ruangan rumah ini iaitu tiga disusun sebaris di ruang serambi, manakala tiga lagi disusun sebaris di ruang rumah ibu. Kedudukan yang tergantung ini turut melibatkan ruang loteng yang berada di atas serambi dan rumah ibu. Fungsi tiang gantung yang hadir bersama dengan rekaan-rekaan Diwangsa ini sebagai penyokong kepada struktur bumbung dan merupakan laluan alang panjang yang melalui tebukuan di bahagian tengah tiang gantung.

Sementara itu, rekaan pada setiap Diwangsa adalah berbeza. Hal ini, rekaan tersebut diolah dengan kepelbagaian bentuk yang diperhalusi dengan bentuk geometri dan organik. Di sebalik kepelbagaian ini, masih terdapat persamaan pada rekaan iaitu bentuknya yang berlonjong. Hal ini seakan-akan menampakkan jantung pisang sebagai *subject matter* kepada rekaan Diwangsa. Bentuk jantung pisang terhadap rekaan Diwangsa ini berinspirasi dari pelbagai bentuk seperti kulit jantung pisang yang membalut keseluruhan bentuk jantung pisang (Diwangsa 1) sehingga kulit jantung pisang bergulung atau terbuka di luar bentuknya (Diwangsa 3). Melalui visual analisis yang dilakukan, mendapati bahawa si pengukir menggambarkan proses tumbesaran setandan pisang yang bermula dengan jantung pisang sebagai permulaan terhadap proses. Hal ini dapat dilihat pada Diwangsa 5 yang diukir dengan kepelbagaian lapisan geometri yang seakan-akan menampakkan kedudukan lapisan pisang yang berbeza saiz pada setandan pisang. Sementara itu, rekaan Diwangsa 2 diukir dengan berinspirasi daripada bunga yang terdapat dalam jantung pisang, manakala, Diwangsa 4 dan 6 pula diukir dengan berinspirasi daripada sebiji pisang yang melengkung.



Gambar 1.9. Pandangan hadapan rumah Datuk Diwangsa.

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018



Rajah 1.5. Lakaran menunjukkan kedudukan Diwangsa dari pandangan atas.

Sumber: Adobe Illustrator oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018.



Gambar 1.10. Rekaan Diwangsa dari kiri Diwangsa 1, Diwangsa 2, Diwangsa 3, Diwangsa 4, Diwangsa 5 dan Diwangsa 6. Bentuk lonjong di bahagian tengah dengan rekaan variasi yang berbeza.

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor, 2018.

KESIMPULAN

Rekaan buah buton di Luak Tanah Mengandung telah mewujudkan sebuah asimiliasi dalam enam konteks kebudayaan seperti disenaraikan oleh Helen Rindsberg (n.d.). Malahan, keenam-enam konteks kebudayaan ini turut mempunyai isi atau *content* yang tersendiri yang dikukuhkan lagi dengan kebudayaan masyarakat Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung. Sebagai contoh konteks agama. Jelas disebalik ukiran buah buton yang terdapat pada tiga buah rumah yang dijadikan sampel tidak menggunakan figura sebagai *subject matter* mahupun mengukir bentuk figura itu sendiri. Hal ini selari dengan ajaran Islam yang melarang umatNya mengukir atau menghasilkan karya seni yang berbentuk figura seperti manusia mahupun haiwan. Dalam kata adat juga menetapkan panduan dengan menjadikan Islam sebagai panduan iaitu "adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah".

Selain itu, dalam konteks politik pula, buah buton diletakkan ditempat yang berbeza berdasarkan rumah-rumah yang dipilih. Sebagai contoh rumah Datuk Muar Bongkok yang mana kedudukan buah buton adalah di hujung serambi yang sinonim sebagai tempat duduk Penghulu atau Ulama. Hal ini berdasarkan kepada penyelidikan, rumah Datuk Muar Bongkok merupakan kediaman Penghulu luak Ulu Muar suatu ketika dahulu. Begitu juga dengan rumah Sali, yang mana buah buton berada di pangkal serambi yang sinonim sebagai tempat ketua-ketua adat duduk bermusyawarah bersama anak-anak buah berkenaan dengan adat dan sebagainya. Oleh itu, buah buton mempunyai perkaitan dengan konteks politik dan turut menyentuh konteks organisasi sosial yang merupakan simbol bahawa pemilik rumah tersebut adalah mereka yang mempunyai pengaruh dalam adat.

Berdasarkan konteks ekonomi pula, jelas menunjukkan bahawa buah buton diukir berdasarkan inspirasi yang berada di sekitar si pengukir. Menurut Syed Ahmad Jamal (2012), setiap karya seni Melayu yang dihasilkan oleh si pembuatnya berinspirasi daripada persekitarannya. Oleh itu, *subject matter* yang menjadi inspirasi terhadap buah buton berdasarkan penyelidikan yang dijalankan amat sinonim dengan persekitaran penghuni rumah tersebut sebagai contoh jantung pisang sebagai sumber makanan yang banyak ditanam di sekitar rumah. Oleh itu, tumbuh-tumbuhan yang memberikan inspirasi kepada pengukir untuk mengukir buah buton mempunyai kaitan dari segi ekonomi kepada penghuni rumah seperti ladang dan sumber hutan. Hal ini, sekaligus memberi kesan terhadap konteks pengaruh artistik reka bentuk rumah berdasarkan persekitaran seperti dinyatakan oleh (Noor, Shahrul & Mastor, 2016). Persekitaran yang dimaksudkan adalah kedudukan rumah yang berdekatan dengan sungai di samping keperluan asas dalam proses pembinaan rumah seperti kayu dan sebagainya. Perkara-perkara ini turut memberi inspirasi kepada pengukir untuk menghasilkan buah buton.

Konteks pengaruh antarabangsa pula, berdasarkan kepada penyelidikan yang dijalankan, elemen buah buton sememangnya berasal dari pengaruh luar. Walaubagaimanapun, fakta mengatakan buah buton di Luak Tanah Mengandung berinspirasi daripada pengaruh-pengaruh tertentu tidak dapat dikukuhkan dengan berdasarkan reka bentuk dan kedudukan semata-mata. Hal ini, tidak semua ukiran buah buton di Luak Tanah Mengandung mempunyai rekaan yang sama seperti pengaruh dari luar. Ketidaksamaan rekaan boleh dilihat pada rekaan buah buton pada tiga sampel rumah. Tetapi, rekaan pengaruh dari luar dapat diterjemahkan melalui falsafah dan maknanya berdasarkan rekaan iaitu menyentuh tentang konteks keagamaan iaitu Tuhan yang satu.

Justeru itu, konteks kebudayaan ini telah merangkumi pelbagai aspek yang menyentuh tentang kehidupan seharian masyarakat Adat Perpatih yang sekaligus membentuk sebuah falsafah dan makna yang tersendiri. Dalam masa yang sama, ianya mewujudkan sebuah kesatuan terhadap rekaan buah buton yang didasari dengan estetika. Penyatuan ini turut menjelmakan sebuah konteks pemahaman dalam pembuatan sesuatu perkara. Perkara ini boleh dilihat pada kedudukan tiang gantung yang hadir bersama rekaan buah buton di rumah-rumah tertentu

yang mengaplikasikan kedua-dua elemen ini yang mana penghuni rumah merupakan mereka dari golongan berpengaruh dalam Adat Perpatih. Kedudukan buah buton bersama-sama tiang gantung pada bahagian serambi tertentu telah menunjukkan perlambangan tentang penghuninya yang sekaligus menunjukkan status mereka dalam kalangan masyarakat sekitar luak.

RUJUKAN

- A. Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Muhammad Tainu & Norhalim Ibrahim (Eds.). (1994). *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung*. Negeri Sembilan: Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Abdul Halim Nasir. (1985). *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Abdul Manan Ismail, Zahari Mahad Musa, Ahmad Zaki Salleh, Muhammad Nizam Awang, Yasmin Hanani Mohd Safian, Irwan Mohd Subri, Syed Halim Syed Shamsuddin, Lukmanul Hakim Hanafi & Siti Nor Hafidza Razali. (2016). *Kedudukan dan Amalan Tanah Adat Menurut Perspektif Syariah*. Universiti Sains Islam Malaysia: Penerbit USIM.
- Abdullah Alwi Hassan. (n.d.). *Islam dan Wanita*. Retrieved July 20, 2018 from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/3040/1189/>
- Agus Dodi Purnomo. (n.d.). *Analisa Perbandingan Saka pada Bangunan Pendopo Jawa dari Zaman Keraton Sampai dengan Vernakular*. Retrieved September 8, 2018 from <https://media.neliti.com/media/publications/217707-none.pdf>
- Ahmad Azizul Azli. (2015). *Ruang Dalam Masjid Melayu Tradisional Semenanjung Malaysia*. PHD Thesis, University of Malaya.
- Berelson, B. & Steiner, G., A.. (1964). *Human Behaviour: An Inventory of Scientific Findings*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Mohd Rosli Saludin (2009). *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd..
- Mohd Rosli Saludin. (2011). *Seri Menanti Tanah Beradat Bermula Di Sini*. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Mohammad Nazri Ahmad. (2016). *Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu*. Doctor Philosophy: University of Malaya.
- Mualimin Mohamad Sahid. (2018). *Adat Bersandi Berpandukan Syarak*. Seminar Adat Perpatih Luak Tanah Mengandung, Seri Menanti, 1 May 2018.
- Mualimin Mohamad Sahid. (2016). *Pembangunan Model Adat Perpatih Patuh Syariah di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. In: *Adat Perpatih Berpandukan Syarak: Amalan dio Negeri Sembilan dan Minangkabau*. Negeri Sembilan: NAM PUBLICATION.
- Norazit Selat. (2003). *Undang-undang Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Nordin Selat. (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Norhalim Ibrahim. (1993). *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Othman Mohd Yatim. (1989). *Warisan Kesenian dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohd Nor & Raja Nafida Raja Shahminan. (2016). *The Influence of Perpatih Custom on the Design of Traditional Malay Houses in Negeri Sembilan, Malaysia*. In: *Research on Humanities and Social Sciences*, ISSN (Paper)2224-5766 ISSN (Online)2225-0484 (Online), Vol.6, No.2, 2016.
- Rahman Malik. (2016). *Ikatan Kekerabatan Etnis Minangkabau dalam Melestarikan Nilai Budaya Minangkabau di Perantauan Sebagai Wujud Warga NKRI*. Jurnal Analisa Sosiologi, Oktober 2016, 5(2):17-27.
- Raja Nafida Raja Shahminan. (1999). *Evolusi Seni Bina Balai Adat*. Master Thesis: University of Malaya.

- Raja Nafida Raja Shahminan. (2007). *Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang*. Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan.
- Rindsberg, H.. (n.d.). *Contextual Analysis of Art: Japanese Art History*. Retrieved January 8, 2019 from <http://helenrindsberg.web.iglou.com/jah/CultJAH/cultjah1.htm>
- Siti Dalila Mohd Sojak & Nagkula Utaberta. (2013). *Typological Study of Traditional Mosque Ornamentation in Malaysia: Comparison between Traditional and Modern Mosque*. In: International Conference on Architecture and Shared Built Heritage Conference (ASBC 2013), 11 Apr. 2013, Bali, Indonesia.
- Siti Haliza Yusop. (2017, Februari 29). *Keunikkan Tiang Gantung Tak Jejak Bumi*. Berita Harian. Retrieved April 17, 2018 from <https://www.bharian.com.my/node/241148>
- Tri Wahyudi. (2009). *Perpaduan Arsitektur Belanda dan Arsitektur Tradisional Jawa Tengah pada Bangunan Peninggalan Belanda Jl*. In. Perintis Kemerdekaan Surakarta. UNS-FKIP Jur. Pendidikan Teknik dan Kejuruan-K.150245.2009.
- Yaakub Idrus. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.